



TEKS UCAPAN

YB TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN

PERSIDANGAN PERWAKILAN NEGARA

PERSATUAN VETERAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

(PV TLDM) KE-16

13 JULAI 2024 | JOHOR BHARU, JOHOR

SALUTATION DISEDIAKAN OLEH PV TLDM

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian,

ملاسلما مكيداءة محرو الله اتاكربو **Salam Sejahtera dan Salam Madani**

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Kesejahteraan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Demikian jua ke atas ahli keluarga dan sahabat baginda.
2. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Veteran TLDM kerana sudi mengundang saya ke **Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Negara PVTLDM kali ke-16**. Kehadiran saya pada pagi ini juga merupakan satu peluang untuk saya bertemu dengan pahlawan-pahlawan tanah air yang cukup tebal nilai patriotik, taat setia serta kecintaan terhadap negara.
3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Presiden PVTLDM, Yang Berusaha Laksamana Pertama Hj Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) kerana sudi menjemput saya pada hari ini.
4. Persidangan ini diadakan selaras dengan peraturan perlembagaan persatuan, selain memenuhi objektif untuk membincangkan pelbagai isu melibatkan hal ehwal ahli dan veteran ATM amnya. PVTLDM telah pun mencapai usia 8 tahun pada 21 Mac 2024 yang lalu dengan jumlah keahlian seramai 10 ribu orang merangkumi 16 buah cawangan. Adalah diharap struktur semasa mampu berfungsi sebagai jaringan perhubungan utama veteran TLDM dengan Kerajaan, perkhidmatan ATM, NGO-NGO, agensi swasta dan masyarakat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Setiap tahun, secara puratanya 5,000 orang anggota ATM akan menamatkan perkhidmatan. Sebagai persediaan ke fasa veteran, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT) merupakan dua agensi yang penting dalam menggalas tanggungjawab menjaga hal ehwal veteran.
6. Bermula dengan fasa latihan peralihan anggota, dan seterusnya pemantauan kerjaya kedua selama 5 tahun oleh PERHEBAT, perjalanan ini tidak berakhir setakat itu sahaja. Pemantauan ini diteruskan mencakupi hal ehwal kebajikan dan telah dipertanggungjawabkan kepada JHEV.
7. Saya dapati sistem ini cukup unik dan komprehensif dalam memelihara kebajikan pahlawan-pahlawan yang telah berjuang untuk negara khususnya yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) agar sentiasa terpelihara. Syabas saya ucapkan kepada PERHEBAT dan JHEV.
8. Namun, tidak dinafikan bahawa struktur pentadbiran ini tidak akan lengkap tanpa hubungan baik dengan jentera akar umbi iaitu persatuan-persatuan veteran ATM. Kerjasama strategik serta ukhwah yang terbina ini sentiasa perlu dipelihara kerana tanpa persatuan, mana mungkin JHEV dan PERHEBAT dapat menyantuni veteran secara efektif.
9. Ke hadapan ini, **peranan persatuan** wajar terus **diperkasakan** agar tiada veteran yang tercicir daripada disantuni dan menerima skim bantuan JHEV mahupun bagi mereka yang ingin meningkatkan kemahiran dalam kerjaya kedua melalui latihan di PERHEBAT.
10. Antara aspek yang perlu kita beri perhatian dalam memperkasa peranan persatuan-persatuan veteran adalah:

i. **Sokongan Sosial:**

- Persatuan veteran berperanan menyediakan sokongan sosial kepada veteran dan keluarga mereka. Ini termasuk **menggalakkan veteran untuk berdaftar dengan JHEV** supaya permohonan sumbangan dapat dikemukakan terus kepada JHEV [*sehingga 31 Mei 2024 – 216,444 veteran berdaftar*].
- Menggalakkan veteran **mengemaskini data peribadi** dalam sistem **VIBES 2.0** untuk memastikan penyaluran bantuan yang lebih teratur.
- Menggalakkan veteran untuk menyertai persatuan-persatuan veteran bagi memudahkan urusan serta sentiasa cakna dengan maklumat semasa mengenai hal ehwal veteran.

ii. **Jaringan Komunikasi:**

- Persatuan boleh bertindak sebagai suara untuk veteran dalam dua keadaan iaitu, **pertama** melebarluaskan pemakluman dasar dan prosedur berkaitan veteran. **Kedua**, menyuarakan keperluan dan penambahbaikan yang diinginkan kepada kerajaan bagi meningkatkan skim kebajikan veteran.

iii. **Penghargaan kepada Veteran:**

- Persatuan memainkan peranan penting dalam menghargai dan mengiktiraf pengorbanan yang dibuat oleh veteran. Ini termasuk penganjuran majlis penghargaan dan memperingati peristiwa-peristiwa penting.

11. Melalui peranan-peranan ini, **persatuan veteran akan terus relevan sebagai jambatan** penghubung antara veteran dan Kementerian Pertahanan dalam memastikan kebajikan dan keperluan veteran sentiasa diberi perhatian dan dipelihara dengan baik.

Hadirin sekalian,

12. Saya mendengar dan meneliti ucapan Presiden PVTLDM sebentar tadi. Inshaa Allah, bersandarkan kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan, berlandaskan dasar dan prosedur mengenai hal ehwal veteran, mana-mana cadangan yang membina, sudah pasti ianya dibawa ke peringkat tertinggi untuk pertimbangan.
13. Pertama: Syabas saya ucapkan kepada PVTLDM atas usaha untuk mengadakan **Bangunan Veteran** di Setiawan, Perak dengan kos pembinaan sebanyak RM6 juta. Inshaa Allah, kami di Kementerian Pertahanan akan cuba menyusul status projek ini dengan agensi yang berkaitan.
14. Kedua: Buat masa ini, kerajaan masih **mengekalkan dasar Pembiayaan Persatuan** melibatkan peruntukan berjumlah RM500,500 kepada 122 Persatuan Veteran ATM induk sebagai bantuan dana tambahan untuk melaksanakan aktiviti kebajikan seperti lawatan veteran yang uzur, sakit, daif dan kematian.
15. Ketiga: Mengenai **penyelarasan pencen**, saya yakin bahawa semua persatuan veteran faham bahawa perkara ini masih dalam kes mahkamah dan proses perlu dihormati. Kerajaan pasti akan memberikan maklum balas setelah semua prosiding selesai. Selain itu, cadangan BSH diberi secara automatik kepada veteran berumur 60 tahun ke atas adalah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

16. Keempat: Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM244 juta** pada tahun ini bagi membiayai **skim-skim bantuan** yang disediakan oleh JHEV. Tugas kami adalah untuk terus bekerjasama dengan persatuan agar ianya dapat disalurkan dan dimanfaatkan sebaik mungkin oleh veteran.
17. Kelima: Saya menyambut baik semangat *esprit de corp* yang dipamerkan oleh PVTLDM, dan bebesar hati untuk **menaja hadiah** bernilai **RM1000.00** kepada pemenang reka bentuk baju korporat PVTLDM.

Hadirin yang saya hormati sekalian

18. Menjalani kehidupan sebagai veteran tentera dalam situasi ekonomi yang tidak menentu, sudah tentu ada dalam kalangan veteran yang dikurniakan keberuntungan rezeki oleh Allah SWT, namun tidak dinafikan terdapat juga veteran tentera yang masih bergelut dengan kesukaran kehidupan.
19. Ke hadapan ini, dan sejajar dengan Dasar Ekonomi Madani, Kementerian Pertahanan tekad untuk terus memberi penekanan kepada **5 aspek** iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan dan pemeraksanaan (*empowerment*).
20. Kementerian akan pastikan warga veteran ATM dijaga kebajikannya, dipastikan peluang pekerjaan melalui program padanan pekerjaan dan dibekalkan dengan kemudahan latihan bagi meningkatkan kebolehpasaran serta membolehkan veteran mengekalkan daya saing di pasaran pekerjaan.
21. Saya percaya komuniti veteran adalah aset negara yang boleh diketengah hasil daripada disiplin, pengalaman dan kemahiran semasa dalam perkhidmatan ATM. Jaminan kerjaya amat penting untuk membantu warga

veteran, yang tergolong di dalam kelompok B40, untuk beralih masuk ke dalam kumpulan M40.

22. Tidak dinafikan golongan veteran ATM, adalah individu yang telah mempertaruhkan nyawa dan menyerahkan seluruh jiwa raga mereka, demi untuk menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Sehubungan dengan itu, saya ulangi bahawa Kementerian akan terus membela kebajikan warga veteran, sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka.
23. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan, pahlawan negara faham bahawa segala bentuk bantuan yang dipertimbangkan kepada veteran ATM adalah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Namun begitu, cabaran itu tidak menghalang Kerajaan untuk sentiasa berusaha untuk melaksanakan dasar dan inisiatif yang sesuai, efektif serta memberi manfaat sejagat kepada warga veteran.
24. Marilah kita bersama-sama memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga semua veteran serta ahli keluarga sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerah kesihatan dan keselamatan dalam menjalani kehidupan harian. Tidak dilupakan juga, semoga Allah SWT memberi perlindungan, ketabahan serta kekuatan kepada saudara seislam kita di Palestine daripada kekejaman rejim Israel.
25. Akhir kalam, saya dengan ini mengucapkan selamat bersidang kepada PVTLDM dan dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS PERSIDANGAN PERWAKILAN PERSATUAN VETERAN TLDM.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.